

22 NOV 1997

MAYC RANGKA CADANGAN TAMBAH DANA

KUANTAN, 22 Nov (Bernama) -- Jawatankuasa Pengurusan dan Pentadbiran Persatuan Kelab-kelab Belia Malaysia (MAYC) Kebangsaan sedang menimbang beberapa alternatif bagi meningkatkan dana persatuan itu, kata Timbalan Presiden MAYC Kebangsaan, Datuk Seri Syed Hamid Albar hari ini.

Beliau berkata peningkatan dana berasaskan sumber-sumber lain itu perlu memandangkan pendapatan yang diperolehi sekarang daripada tempat-tempat penginapan yang diuruskan oleh MAYC tidak mencukupi untuk membayar hutang bangunan MAYC yang kini berjumlah RM12 juta.

Semasa ditemui pemberita selepas mesyuarat agung tahunan MAYC Kebangsaan ke-43 di sini, beliau berkata rundingan juga dijalankan dengan pihak bank untuk menurunkan kadar faedah yang dikenakan memandangkan pada asalnya jumlah hutang itu hanya di sekitar RM7 juta atau RM8 juta.

Bangunan itu kini bernilai kira-kira RM30 juta dan MAYC yakin dapat mencari jalan untuk menyelesaikan pembayaran selebihnya meskipun dalam keadaan ekonomi negara sekarang, katanya.

Mesyuarat itu yang dipengerusikan Presiden MAYC Kebangsaan, Tan Sri Sanusi Junid juga meluluskan usul menyokong kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. -- BERNAMA

ROS AKD